

CHALLENGES IN THE FACE OF COVID-19 PANDEMICS IN MALAYSIA: APPLICATION ON *MURUNAH* CONCEPT IN WORSHIP MATTERS

MENDEPANI CABARAN PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA: APLIKASI KONSEP *MURUNAH* DALAM FIQH IBADAH

Anas Mohd Bhukhari¹ & Irwan Mohd Subri²

¹ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, anas.azhar91@gmail.com

² Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang & Pengarah Besar, International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia. irwan@usim.edu.my

**Vol. 9. No. 1
December
2020**

Abstract

In the implementation of shariah, flexibility (murunah) is a part of the basic concepts of tasawwur Islam. During the pandemic of COVID-19, the Malaysian government has set up several measures to comply with the standard operating procedures (SOP), especially those related to the performance of worship matters. The implementation of SOP indirectly elucidates the application of the concept of murunah. Therefore, the author discusses in detail the implementation of SOP related to worship matters and relates it to the concept of murunah in Islam. This writing will indirectly give the impression that the concept of murunah is a basic element in determining the SOP as decided by the government. This writing is qualitative research using a library-based approach that analyzed the related book references on SOP guidelines that have been enforced by the Malaysian government. The results found that the Malaysian SOP guidelines related to worship matters have adhered to the concept of murunah even there is some enforcement beyond the norms of Muslim citizens in Malaysia.

Keywords: *Shariah, Flexibility, COVID-19, Worship, New Norms.*

Abstrak

Keanjalan (murunah) adalah sebahagian daripada konsep-konsep asas tasawwur Islam dalam pelaksanaan syariat. Dalam menghadapi pandemik COVID-19, pihak kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah patuhan garis panduan operasi standard (SOP) terutamanya berkaitan pelaksanaan ibadah. SOP yang dilaksanakan secara tidak langsung menzahirkan pengaplikasian konsep murunah dengan lebih jelas. Oleh demikian, penulis membincangkan secara terperinci mengenai pelaksanaan SOP berkaitan ibadah dan mengaitkan SOP tersebut sesuai dengan konsep murunah dalam Islam. Penulisan ini secara tidak langsung akan memberi gambaran bahawa konsep murunah benar-benar dijadikan asas dalam penetapan SOP yang diputuskan oleh pihak kerajaan sekaligus memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat Islam di Malaysia. Penulisan berkonsep kualitatif ini juga menggunakan kaedah kajian kepustakaan berdasarkan garis panduan SOP yang telah dikuatkuasakan

oleh kerajaan Malaysia beserta rujukan-rujukan buku yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa setiap garis panduan SOP berkaitan ibadah yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan Malaysia adalah sesuai dengan penerapan konsep *murunah* meskipun terdapat beberapa pelaksanaan hukum di luar kerangka norma masyarakat Islam di Malaysia.

Kata kunci: Syariat, Keanjalan, COVID-19, Ibadah, Norma Baharu.

PENDAHULUAN

Dunia pada era 2020 kini dikejutkan dengan satu pandemik yang dikenali sebagai coronavirus atau singkatannya COVID-19. Menurut laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2020), ia adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Jangkitan COVID-19 ini boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara pada penghujung Februari 2020 amat memberi kesan terhadap negara. Ia bukan sahaja melanda negara kita, bahkan turut menerima tempas yang sama hampir seluruh negara dalam dunia ini. Wabak berjangkit ini telah dilaporkan bermula tersebar di wilayah Wuhan, China yang kemudiannya mula merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia pada penghujung tahun 2019 (KKM, 2020).

Pelbagai sektor dan institusi yang terkesan dan terjejas akibat penularan wabak ini. Ia menyerang manusia tanpa mengenal usia dan pangkat. Malaysia antara negara yang turut terjejas teruk akibat pandemik ini.

Hampir 90% daripada pelbagai sektor di Malaysia yang terjejas dan tidak dibenarkan untuk beroperasi. Segala kegiatan sosial dihentikan serta merta apabila kerajaan Malaysia dengan rasminya mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 melalui Perutusan Khas Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyidin bin Yasin.

Selaras dengan pengumuman rasmi berkenaan PKP, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi Hal Ehwal Agama, Dr. Zulkifli Muhammad al-Bakri telah memaklumkan bahawa segala aktiviti

berkaitan keagamaan di masjid dan berkumpul di seluruh Malaysia dibatalkan serta merta. Seruan ini termasuklah antaranya aktiviti solat berjemaah, solat Jumaat dan lain-lain aktiviti yang melibatkan perkumpulan yang ramai.

Oleh demikian, penulis akan membicarakan secara tuntas mengenai perkaitan konsep *murunah* dalam tasawwur Islam serta mengaitkannya dengan pelaksanaan garis panduan operasi standard (SOP) bagi pelaksanaan ibadah dalam tempoh kawalan pergerakan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia setakat 15 Oktober 2020.

Perbincangan dalam penulisan ini merangkumi;

- i. Pengertian *murunah* dan kedudukannya dalam syariat Islam menurut pandangan ulama.
- ii. Hubungan antara konsep *thabat* dan *murunah* dalam pensyariaan.
- iii. Keperluan penerapan konsep *murunah* dalam fiqh berkaitan ibadah bagi mendepani pandemik COVID-19 di Malaysia.
- iv. Pelaksanaan konsep *murunah* dalam SOP berkaitan amalan keagamaan dalam tempoh PKP.

PENGERTIAN MURUNAH

Menurut kamus *Lisan al-'Arab* (1997) perkataan *murunah* merupakan kata terbitan daripada perkataan (*marana - yamrunu - muranah / murunah*) yang bermaksud kelembutan disebalik kekerasan.

Terdapat juga kamus Arab Moden (*Mu'Jam al-Lughat al-Arabiyyat al-Mu'asirah*) yang mengertikan *murunah* dengan maksud keupayaan badan mengubah bentuk dan saiznya selepas punca perubahan telah hilang atau keupayaan badan untuk membengkok

atau kembali kepada asal.

Menurut istilah syarak pula, *murunah* kebiasaannya dikaitkan dengan konsep keluasan dan fleksibiliti Syarak dalam menetapkan sesuatu hukum mengikut uruf dan keperluan semasa. Dengan erti kata lain, *murunah* bermaksud fleksibel atau keanjalan syariat Islam yang boleh berubah keadaannya mengikut kesesuaian tempat, masa, keadaan, individu dan tujuan (Muhammad al-Nadwiyy, 2019).

Ia sesuai dengan sabdaan Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:

{ مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأْتُوا مِنْهُ
مَا اسْتَطَعْتُمْ }

Maksudnya, "Sesuatu yang telah aku larang ia, maka hendaklah kamu jauhinya. Adapun sesuatu yang telah aku perintahkan, hendaklah kamu laksanakan mengikut kemampuan mu. (Hadis. Al-Nawawiyy. *Al-Arba'in*. 9).

Menurut al-Hanitiyy (2015), perkataan *murunah* boleh diterjemahkan dalam pelbagai konsep. Sebahagian ilmunan menterjemahkannya sebagai kesederhanaan sesuai dengan kehidupan. Ia juga boleh digambarkan sebagai pemudahcara dan penyelesaian kepada sesuatu permasalahan berkaitan pensyariat. Menurut beliau lagi, ada ilmunan Islam yang mengaitkan juga konsep *murunah* dalam mengaplikasikan *fiqh al-muwazanat*.

Keanjalan Islam dalam memberi kelonggaran dan kemudahan kepada umatnya dalam melaksanakan perintah Allah SWT walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Kelonggaran ini bukannya bererti syariat Islam boleh diubah atau dimanipulasi sewenang-wenangnya. Sebaliknya kelonggaran tersebut hanya melibatkan perkara-perkara cabang sahaja.

Ia dibuktikan sebagaimana dalam firman Allah SWT;

﴿فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا﴾

Maksudnya, "Oleh itu, maka (tetapkanlah

kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (sekali lagi ditegaskan), bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan" (al-Quran. al-Sharh: 5-6).

Ibn Khaldun (2001) juga menegaskan bahawa manhaj Islam yang dibawa oleh Nabi SAW bukan bersifat statik atau sempit. Bahkan menurutnya, manhaj Islam yang diajarkan oleh baginda mempunyai keanjalan berdasarkan perbezaan zaman, masa dan tempat. Sesuatu hukum itu boleh berubah mengikut keadaan-keadaan tertentu. Perubahan itu juga bergantung mengikut individu atau kumpulan, bandar atau desa dan negara.

Al-Qaradawiy (2002) antara ilmunan Islam yang lantang mempertahankan hujah mengenai konsep *murunah* dalam pensyariat Islam. Ini disebabkan terdapat beberapa golongan orientalis yang mendakwa Islam sebagai agama yang jumud dan sempit. Mereka bersandarkan beberapa potongan ayat al-Quran dan hadis yang disalahertikan.

Sedangkan Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT sebagai penutup kepada risalah kenabian. Maka adalah mustahil jika agama ini bersifat sempit dan menyukarkan kepada penganutnya. Allah SWT berkali-kali menegaskan bahawa Ia berkehendakkan rahmat dan kesenangan buat hamba-Nya melalui wahyu yang diutuskan kepada para rasul-Nya.

Al-Qaradawiy (2002) juga telah menyatakan beberapa faktor utama yang membuktikan tentang keluasan dan keanjalan Islam berdasarkan prinsip *murunah*. Faktor pertama ialah syariat membenarkan para mujtahid untuk berjihad dalam perkara-perkara yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam nas-nas syarak.

Dalam perbahasan Usul Fiqh, ia disebut dengan istilah *al-maskut 'anhu*. Terdapat dalam banyak hadis, Nabi SAW menjelaskan tentang perkara-perkara yang tidak diberi penjelasan secara terperinci dalam nas sebagai rahmat

kepada umatnya.

Menurut al-Qaradawiyy (2002) lagi, nas-nas Syarak kebanyakannya lebih bertumpukan kepada hukum-hukum yang bersifat *kulliy* atau umum. Secara tidak langsung ia membuka ruang kepada para mujtahid dalam membincangkan mengenai hukum-hukum yang bersifat *juz'iy* atau cabang, terperinci dan bersifat teknikal dalam peraksanaan.

Menurut beliau lagi, terdapat keluasan syarak dalam membenarkan perbezaan pandangan dan fahaman terhadap kebanyakan nas-nas yang membicarakan mengenai perkara *juz'iy* atau cabang. Ia secara tidak langsung mendedahkan umat Islam dengan pelbagai pandangan dan pendapat yang membolehkan mereka memanfaatkannya mengikut situasi dan keadaan tertentu.

KETERIKATAN ANTARA KONSEP MURUNAH DAN THABAT

Perbincangan mengenai *murunah* kebiasaannya akan dikaitkan juga perbincangannya dengan konsep *thabat*. Kedua-dua istilah ini merupakan istilah yang berpasangan dimana ia saling melengkapi antara satu sama lain dalam memastikan syariat Islam dilihat sebagai syariat yang lengkap dan tidak cacat. Jika *murunah* bermaksud konsep keanjalan syariat yang boleh berubah mengikut kesesuaian keadaan dan masa, maka *thabat* pula bermaksud sebaliknya.

Menurut *al-Qamus al-Muhit* (2005), *thabat* dari sudut bahasa bermaksud tetap dan tidak berubah. Manakala dari sudut istilah pula *thabat* bermaksud suatu prinsip atau ketetapan yang telah diputuskan secara tetap dan tidak akan berlaku perubahan dan pertukaran merangkumi aspek akidah, akhlak dan fiqh.

Para ulama Usul Fiqh kebiasaannya menggunakan istilah ini dengan istilah *thawabit* yang berasal daripada kata tunggalnya *thabit*. Manakala istilah *murunah* pula disisi ulama Usul Fiqh disebut dengan istilah *mutaghayyirat* (Muhammad al-Nadwiyy, 2019).

Tambahan pula, dalam

perbincangan mengenai hukum, para ulama telah membahagikannya kepada dua kategori. kategori pertama iaitu ialah hukum tetap dan tidak berubah mengikut masa, tempat, ijihad-ijihad para ulama.

Antaranya perkara-perkara yang berkaitan dengan kewajipan dan larangan Allah yang dinyatakan secara jelas dalam nas-nas Syarak. Manakala kategori kedua pula ialah hukum yang tidak tetap dan boleh menerima perubahan berdasarkan kemaslahatan mengikut masa, tempat dan keadaan (al-Qaradawiyy, 2013).

Al-Qaradawiyy (2013) telah membahagikan tiga prinsip asas dalam membezakan peranan konsep *thabat* dan *murunah* iaitu;

- i. *Thabat* pada tujuan dan matlamat namun *murunah* pada bentuk perlaksanaannya.
- ii. *Thabat* pada perkara pokok dan umum namun *murunah* pada perkara-perkara cabang.
- iii. *Thabat* pada nilai keagamaan dan akhlak namun *murunah* pada urusan keduniaan dan ilmu pengetahuan.

Menurut al-Qaradawiyy (2013) lagi, terdapat segelintir umat Islam pada hari ini yang tidak memahami syariat Islam dengan baik. Beliau membahagikan segelintir tersebut kepada dua kelompok.

Kelompok pertama adalah mereka yang sering mengambil kesempatan terhadap konsep *murunah* sehingga menganggap segalanya boleh dipermudahkan dengan melampaui batas. Kelompok kedua pula adalah mereka yang terlalu keras dan menganggap agama tidak boleh menerima perubahan-perubahan semasa.

KEPERLUAN PENERAPAN KONSEP MURUNAH DALAM FIQH BERKAITAN IBADAH BAGI MENDEPANI PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

Situasi gawat yang melanda negara ketika pandemik memerlukan pandangan-pandangan yang lebih bersifat realistik bagi membolehkan rutin ibadah umat Islam dapat dilaksanakan di negara ini.

Pelbagai keluh kesah dan

kerisauan umat Islam terhadap kekangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan semasa tempoh PKP. Hampir 1 tahun lamanya umat Islam di Malaysia tidak dapat mengimarahkan rumah-rumah Allah serta melaksanakan rutin ibadah dengan sempurna.

Penerapan konsep *murunah* dalam SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan amat penting. Ini bertujuan memberi kelonggaran terhadap perkara-perkara teknikal dalam ibadah agar ia dapat terus dilaksanakan walaupun dalam tempoh pandemik berlaku.

Kelonggaran terhadap teknikal pelaksanaan inilah yang dimaksudkan oleh al-Qaradawiyy (2013) dalam pembahagian beliau berkaitan peranan konsep *murunah* dan *thabat*. Meski pun pelaksanaan ibadah tersebut agak berbeza daripada kebiasaan, namun ia masih dalam ruang lingkup ijtihad dan perbezaan pandangan para ulama.

Secara umumnya, masyarakat Islam di Malaysia telah terbiasa mengamalkan gaya hidup dan amalan mengikut tatacara pelaksanaan dalam mazhab Shafi'iy. Perkara tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas dalam pelaksanaan ibadah dan urusan nikah cerai.

Menurut Zulkifli Muda (2019), perkara ini adalah disebabkan sistem pendidikan tradisional Islam di Malaysia sejak dahulu kala telah menjadikan mazhab Shyafi'iy sebagai pegangan asas. Sistem pendidikan tersebut merangkumi institusi pondok, universiti, masjid, surau dan sekolah-sekolah agama.

Setelah berlaku pandemik ini, masyarakat perlu dididik dengan kepelbagaian pandangan dan keterbukaan terhadap beberapa perubahan yang berlaku berdasarkan ketetapan SOP.

Ini kerana, jika masyarakat tidak diberi pendedahan dengan sebaiknya berkaitan konsep *murunah*, pasti mereka akan beranggapan tidak baik terhadap institusi agama di Malaysia. Perkara ini juga didorong oleh segelintir agamawan yang tidak boleh menerima keterbukaan serta bertindak mempertikaikan SOP

yang ditetapkan.

Kepentingan konsep *murunah* dalam situasi ini boleh digambarkan sebagaimana dalil-dalil yang telah dikemukakan di atas. Selain itu, terdapat beberapa kaedah feqah yang juga boleh diterapkan dalam penetapan SOP bagi merungkai kepentingan konsep *murunah*. Antara kaedah yang boleh dijadikan sandaran iaitu:

(ما لا يدرك كله لا يترك جله)

Maksudnya, "*Sesuatu perkara yang tidak dapat dilaksanakan ia secara keseluruhan, tidak boleh ditinggalkan semuanya*".

Kaedah ini secara jelas mengatakan apabila sesuatu perkara itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, ia tidaklah bermaksud boleh ditinggalkan terus perlaksanaannya. Selagi mana ia boleh dilaksanakan dengan kadar paling minima, maka ia perlu dilaksanakan mengikut kemampuan. Menurut Abdul Latif (2008), kaedah ini boleh digunakan secara meluas dalam pelbagai isu feqah.

Berdasarkan kaedah ini juga boleh difahami jika rutin ibadah tidak dapat dilaksanakan secara sempurna dalam tempoh pandemik, maka tidaklah bermakna ia boleh ditinggal secara keseluruhannya. Masih terdapat kelonggaran syarak dalam perkara-perkara teknikal yang membolehkan ia dilaksanakan.

Kelonggaran ini memerlukan norma baharu atau kebiasaan baharu yang sedikit berbeza dengan pengamalan rutin selaras dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia.

Antara kaedah feqah lain yang boleh diketengahkan bagi merungkai kepentingan *murunah* iaitu:

(الميسور لا يسقط بالمعسور)

Maksudnya, "*Perkara yang mudah tidak gugur dengan sebab ada kesulitan*".

Berdasarkan kaedah ini juga boleh difahami bahawa pandemik yang wujud tidak akan menggugurkan sesuatu kewajipan. Kewajipan solat tetap wajib

dilaksanakan. Pengimarah masjid dengan aktiviti berjemaah juga tetap perlu diteruskan. Ibadah-ibadah lain tetap perlu dilaksanakan meskipun dengan norma baharu yang agak berlainan dengan kebiasaan.

Di sinilah letaknya peranan institusi agama di Malaysia dalam memberi penerangan berkaitan konsep *murunah* kepada masyarakat agar tidak terkeliru. Norma baharu ini pasti akan mendapat kritikan-kritikan daripada pelbagai pihak yang tidak bersetuju dengan SOP yang ditetapkan.

KONSEP MURUNAH DALAM PERLAKSANAAN SOP PKPP BERKAITAN AMALAN KEAGAMAAN

Semenjak pandemik ini melanda negara kita, beberapa fasa pelaksanaan PKP telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Fasa pertama dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 dan tamat pada 12 Mei 2020. Pada peringkat ini, semua sektor dalam negara diarahkan tutup dan tidak dibenarkan beroperasi kecuali sektor pemakanan, perubatan dan keperluan asas.

Manakala fasa kedua pula ialah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei sehingga 9 Jun 2020. Pada peringkat ini, sebahagian besar sektor ekonomi dan sosial mula dibenarkan beroperasi secara berperingkat. Namun, aktiviti berbentuk perkumpulan dan perhimpunan ramai masih tidak dibenarkan termasuk juga aktiviti keagamaan.

Seterusnya pada fasa ketiga pula, pihak kerajaan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi menggantikan PKPB bermula 10 Jun 2020 sehingga terkini akan tamat pada 31 Disember 2020. Pada peringkat ini, kerajaan telah membenarkan semua sektor kembali beroperasi dengan penekanan SOP yang ketat.

Antara sektor yang diberikan kebenaran ialah sektor sosial dimana segala aktiviti kemasyarakatan telah dibenarkan penganjurannya namun dalam skala SOP yang ditetapkan

termasuk aktiviti keagamaan.

Penulis akan membahaskan perkaitan antara konsep *murunah* dan SOP yang ditetapkan berdasarkan kepada beberapa contoh pelaksanaan ibadah. Antaranya berkenaan SOP pelaksanaan solat berjemaah di masjid, solat Jumaat, penggunaan penutup separuh muka (*face mask*) ketika solat dan penjarakan saf 1 meter antara satu sama lain.

Pertama: Isu Berkaitan Penangguhan Pelaksanaan Solat Fardu Secara Berjemaah Di Masjid Dalam Fasa PKP Dan PKPB

Selaras dengan pengumuman PKP oleh pihak kerajaan, arahan penutupan dan penangguhan aktiviti keagamaan di masjid juga dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Negeri Perlis antara negeri yang terawal yang menangguhkan pelaksanaan solat Jumaat (Dziyaul Afnan Abdul Rahman, 2020).

Penangguhan tersebut dibuat lebih awal sebelum pengumuman PKP oleh Perdana Menteri Malaysia. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) mengumumkan keputusan berkenaan selepas mendapat perkenan Raja Perlis dalam surat yang bertarikh pada 13 Mac 2020. Negeri-negeri lain pula mengambil langkah yang sama setelah pengumuman PKP dibuat seminggu selepas kemudian.

Arahan penangguhan ini sedikit sebanyak mendapat tentangan daripada sebilangan kecil masyarakat yang tidak bersetuju dengan penutupan masjid. Terdapat segelintir mereka yang degil dan bersikap keras kepala untuk terus menghadirkan diri ke masjid bagi melaksanakan solat fardu secara berjemaah.

Terdapat kes sebuah masjid mengadakan solat Jumaat menyebabkan 116 jemaahnya terpaksa ditahan kerana mengingkari PKP (Muhammad Iskandar & Mohd Nasaruddin, 2020). Dalam kes lain pula, seramai 6 lelaki warga emas yang ditangkap kerana ingkar PKP apabila berdegil melaksanakan solat berjemaah di salah sebuah masjid di Kuala Kangsar

(Muhammad Zulsyamini, 2020).

Persoalannya ialah mengapa masih ada kumpulan yang degil untuk melaksanakan solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid, sedangkan arahan telah dikeluarkan oleh pihak berwajib?

Sebagaimana dilaporkan oleh Bernama dalam berita bertarikh 6 April 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama mengatakan bahawa situasi ini berlaku adalah disebabkan salahfahaman masyarakat berkaitan hukum-hakam. Ada antara mereka yang beranggapan jika tidak menghadiri solat Jumaat lebih 3 kali berturut-turut akan menjadikan mereka munafik.

Rentetan daripada itu, penulis beranggapan bahawa antara punca yang mendorong kesalahfahaman masyarakat terhadap hukum-hakam turut berfaktorkan kekurangan pendedahan berkaitan konsep *thabat* dan *murunah*. Banyak dalil-dalil yang membicarakan berkenaan keutamaan berjemaah di Masjid dan kewajipan melaksanakan solat Jumaat.

Antaranya berdasarkan kepada hadis Nabi SAW:

{وَلَوْ أَنَّكُمْ صَلَّيْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ كَمَا يُصَلِّي هَذَا
الْمُتَخَلِّفُ فِي بَيْتِهِ لَتَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ وَلَوْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ
نَبِيِّكُمْ لَضَلَلْتُمْ}

Maksudnya, "Dan jikalau kamu mendirikan (solat fardu) itu di rumah kamu sebagaimana golongan yang mengingkari sunnah, maka sesungguhnya kamu telah meninggalkan sunnah Nabi kamu. Dan jikalau kamu meninggalkan sunnah Nabi kamu, nescaya kamu akan tersesat" (Hadis. Muslim. *Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Salah*. No. 324).

Menurut Ibn 'Allan (2012), hadis di atas secara jelas menunjukkan kewajipan seseorang Muslim agar melaksanakan solat fardu berjemaah di masjid bagi golongan lelaki. Bahkan nabi memberi ancaman keras sekiranya ada dalam kalangan sahabat Baginda yang tidak melaksanakannya secara berjemaah di masjid akan terjerumus ke lembah

kesesatan sebagai mana yang dinyatakan dalam hadis tersebut.

Hukum asal solat berjemaah menurut pandangan muktamad dalam mazhab Shafi'iy adalah fardu kifayah kepada mereka yang bermukim bagi tujuan memelihara syiar agama di seluruh tempat samada negeri yang kecil atau besar.

Bahkan menurut al-Zuhayliyy (1985), sekiranya ada kelompok yang cuba menghalang pelaksanaan solat fardu secara berjemaah, tindakan boleh di ambil oleh pemerintah terhadap kelompok tersebut.

Dalam situasi pandemik COVID-19, beberapa penelitian perlu dilakukan oleh pihak berkuasa agama. Ini kerana, jika masyarakat terus dibiarkan melaksanakan solat secara berjemaah di masjid, maka kadar jangkitan penularan pasti akan terus meningkat.

Menurut Dr. Muhammad Zulkifli al-Bakri sebagaimana juga direkodkan dalam berita Bernama bertarikh 6 April 2020, COVID-19 adalah satu wabak penyakit berjangkit dan bersifat *masalah 'ammah* (kemaslahatan umum). Oleh sebab itu, kerajaan menyarankan agar rakyat terus berada dalam rumah dan kuarantinkan diri.

Disinilah kita dapat lihat bagaimana konsep *murunah* diaplikasikan apabila kerajaan memutuskan agar solat berjemaah perlu dilaksanakan di rumah atau kediaman masing-masing dalam skala yang kecil bertujuan bagi mengelak kemudaratan yang lebih besar berlaku (Rafidah Mat Ruzki, 2020).

Arahan ini secara tidak langsung tidak menafikan hukum asal pelaksanaan solat berjemaah di masjid. Namun, ia adalah bertujuan menghalang penularan yang lebih dasyat berlaku. Mereka yang sengaja melanggar arahan tersebut bukan sahaja mengingkari arahan *ulil amri* bahkan juga boleh dikategorikan sebagai haram jika berlaku kemudaratan disebabkan pelanggaran tersebut berdasarkan kaedah fiqh:

{ما يؤدي إلى الحرام فهو حرام}

Maksudnya, "Setiap perkara yang mendorong kepada perkara haram yang lain, hukumnya adalah haram".

Tindakan pihak yang sengaja melanggar arahan tersebut adalah haram jika dengan tindakan mereka boleh menyebabkan kemudharatan yang lebih besar berlaku. Oleh itu, nyata dan jelas bahawa arahan penangguhan solat berjemaah yang dibuat oleh kerajaan adalah bertujuan meraih kemaslahatan yang lebih utama.

Secara tidak langsung ia juga tergolong dalam konsep *murunah* dalam pensyariat Islam. Apabila keadaan kembali stabil, maka sesuatu hukum itu akan kembali kepada hukumnya yang asal.

Bagi meraikan fardu kifayah dan juga syiar agama, setiap negeri mewajibkan hanya 3 individu sahaja yang dibenarkan untuk melaksanakan solat berjemaah di masjid atau surau sepanjang PKP. Tindakan ini bukan sahaja tepat, bahkan telah menyelamatkan seluruh umat Islam di Malaysia apabila fardu kifayah itu telah dilaksanakan oleh sebahagian yang lain. 3 individu tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai masjid seperti imam, bilal dan siak.

Kedua: Isu Berkaitan Penangguhan Pelaksanaan Solat Jumaat di Masjid Dalam Fasa PKP Dan PKPB

Manakala dalam masalah berkaitan solat Jumaat pula, terdapat sebilangan kecil yang salah faham terhadap nas mengenai kewajipan melaksanakan solat Jumaat sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Al-Quran jelas menyatakan berkenaan kewajipan solat Jumaat berdasarkan firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "Dan juga (telah mengutuskan Nabi Muhammad kepada)

orang-orang yang lain dari mereka, yang masih belum (datang lagi dan tetap akan datang) menghubungi mereka; dan (ingatlah), Allah jualah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (al-Quran. al-Jumu'ah: 9).

Hukum melaksanakan solat Jumaat adalah fardu ain. Solat jumaat wajib dilaksanakan secara berjemaah di masjid atau tempat yang diberi kebenaran oleh pemerintah. Menurut mazhab Shafi'iy, solat jumaat hanya boleh didirikan di satu-satu tempat jika mendapat kebenaran mendirikannya daripada pemerintah.

Dengan erti kata yang lain, solat Jumaat tidak boleh didirikan jika tidak mendapat keizinan daripada pemerintah di kawasan tersebut (al-Sharbiyy, 1997). Dalam konteks pandemik ini, terdapat sebilangan masyarakat yang degil untuk terus melaksanakan solat Jumaat meskipun arahan penangguhan telah dibuat.

Kewajipan melaksanakan solat jumaat adalah satu tuntutan syarak. Sebagaimana yang diklasifikasikan oleh al-Zuhayliyy (1985), ia termasuk dalam kategori hukum *qat'iy*. Namun di sana terdapat kelonggaran syarak terhadap mereka yang mempunyai keuzuran dalam melaksanakannya. Konteks keuzuran yang dibenarkan merangkumi kesihatan, keselamatan dan kekangan waktu.

Maka, dalam tempoh pandemik ini sewajarnya kesihatan menjadi alasan kukuh dalam mengambil rukhsah Syarak. Oleh sebab demikian, kerajaan telah menyarankan agar solat Jumaat digantikan dengan solat Zohor di rumah masing-masing (Mohd Iskandar Ibrahim, 2020).

Rukhsah atau keringanan ini adalah salah satu bukti yang jelas tentang konsep *murunah* bagi menghadapi pandemik tanpa mengabaikan kewajipan solat yang merupakan *thawabit* dalam agama. Adapun tatacara perlaksanaannya samada dilakukan secara berjemaah atau di masjid adalah perkara cabang yang boleh berubah hukumnya mengikut situasi dan keadaan semasa. Perubahan

hukum inilah yang dikatakan sebagai konsep *murunah*.

Sewaktu tempoh PKP tamat dan digantikan dengan PKPB, sebahagian masjid-masjid utama diseluruh negara telah dibenarkan beroperasi dengan kadar minima. Kebanyakan negeri hanya membenarkan kehadiran solat Jumaat dengan kapasiti 12 jemaah sahaja. Manakala Wilayah Persekutuan pula menetapkan kapasiti tidak melebihi 30 jemaah. Hanya individu-individu terpilih sahaja yang akan dijemput untuk menghadiri solat Jumaat.

Jika diteliti, mazhab Shafi'iy mensyaratkan bilangan jemaah yang menghadiri solat Jumaat mestilah sekurang-kurangnya 40 jemaah. Pendapat ini juga merupakan *qawl mu'tamad* yang menjadi pegangan rasmi di Malaysia.

Meskipun begitu, hampir kebanyakan negeri yang memutuskan untuk membenarkan hanya 12 jemaah sahaja yang dibenarkan menghadiri solat Jumaat berpandukan pandangan dalam Mazhab Malikiyy pada waktu PKPB (Al-Zuhayliyy, 1985).

Perkara ini sekali gus membuktikan bahawa, meskipun mazhab Shafi'iy menjadi pegangan rasmi di Malaysia, namun dalam mendepani situasi-situasi tertentu, pandangan daripada mazhab muktabar yang lain juga boleh dijadikan sandaran sekaligus membuktikan konsep *murunah* secara tidak langsung.

Ketiga: Pemakaian Pelitup Separuh Muka Ketika Solat Berjemaah di Masjid Dalam Fasa PKPP

Setelah kerajaan memperkenalkan PKPP, sektor sosial mula dibenarkan beroperasi dengan pematuhan SOP yang ketat. Aktiviti keagamaan adalah tertakluk dalam SOP bagi sektor sosial. Semua negeri mula membenarkan aktiviti keagamaan dan pengimarahannya dijalankan.

Antara SOP yang wajib dipatuhi bagi mereka yang ingin menghadiri solat berjemaah dan solat di masjid atau surau ialah memakai pelitup separuh muka atau *face mask* dan menjarakkan saf antara

jemaah dengan jarak sekurang-kurangnya 1 meter.

Antara SOP lain yang diwajibkan iaitu menghadirkan diri awal ke masjid, berwuduk di rumah dan membawa sejadah. Namun SOP yang menjadi pertikaian sebahagian kecil masyarakat adalah berkenaan pemakaian pelitup separuh muka ketika solat dan penjarakkan saf antara jemaah.

Namun penelitian terhadap sesuatu hukum perlu diperhalusi terutama dalam keadaan menghadapi pandemik COVID-19. Di sinilah konsep *murunah* memainkan peranan agar kemudahan dapat diminimumkan dengan SOP yang ditetapkan.

Hukum asal menutup mulut atau hidung ketika solat adalah makruh menurut jumhur ulama kecuali Mazhab Hanafiyy yang mengklasifikasikannya sebagai *karahah tahrimiyyah* (al-Zuhayliyy, 1985).

Ya berlandaskan kepada sabdaan Nabi SAW:

{أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ السَّدْلِ فِي الصَّلَاةِ وَأَنْ يُعْطِيَ الرَّجُلُ فَاَهُ}

Maksudnya, "Sesungguhnya Rasulullah S.A.W melarang meleretkan pakaian di dalam solat serta (melarang) seseorang lelaki itu menutup mulutnya (di dalam solat)" (Hadis. Abu Dawud. Bab Ma Ja'a fi al-Sadli fi al-Salah. No. 253).

Menurut al-Sharbiniyy (1997) hukum menutup mulut ketika solat adalah makruh bersandarkan hadis tersebut. Namun ia bukanlah perbuatan yang boleh membatalkan solat. Al-Khattabiyy (2010) mengatakan bahawa larangan Nabi SAW tersebut adalah merujuk kepada perbuatan masyarakat Arab terdahulu yang sering menutup mulut mereka menggunakan kain.

Namun terdapat beberapa keadaan disunatkan menutup mulut walaupun ketika solat. Sebagai contoh apabila seseorang tersebut menguap atau bersin ketika dalam solat, disunatkan ia menutup mulut sebagai mana hadis nabi SAW:

{فَإِذَا تَنَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَضَعْ يَدَهُ عَلَى فِيهِ}

Maksudnya, “Apabila salah seorang kamu menguap maka hendaklah dia meletakkan tangannya ke mulutnya (menutup mulutnya)” (Hadis. al-Tirmidhiyy. Kitab al-Adab. No. 2746).

Oleh demikian, boleh dirumuskan bahawa menutup mulut dalam solat adalah suatu larangan pada asalnya. Namun ia tertakluk kepada faktor yang memerlukan ia ditutup. Jika menguap dalam solat pon dibolehkan seseorang itu menutup mulut, maka apatah lagi jika mempunyai alasan yang lebih kukuh.

Sebagai contoh, dalam situasi pandemik COVID-19, tindakan menutup mulut dapat mengurangkan risiko jangkitan dan penularan. Oleh kerana ia boleh dianggap alasan yang kukuh, maka adalah diharuskan menutup mulut ketika solat dalam situasi pandemik ini.

Jabatan Mufti Negeri Selangor (2011) juga pernah mewartakan fatwa berkaitan pemakaian penutup muka ketika dalam ihram haji atau umrah. Menurut fatwa tersebut, memakai penutup muka ketika dalam ihram adalah suatu larangan. Namun, jika berada dalam keadaan penularan wabak dan penyakit berjangkit, adalah dibenarkan untuk para jemaah haji atau umrah memakai penutup separuh muka tanpa dikenakan dam.

Di sinilah letaknya konsep *murunah* apabila perkara berkaitan teknikal diberikan keanjalan mengikut situasi dan keadaan. Apabila konsep *murunah* diaplikasikan maka sudah pasti perkara *thawabit* dapat terus dilaksanakan. Dalam situasi ini, solat berjemaah di masjid boleh diteruskan dalam keadaan semua ahli jemaah yang hadir memakai pelitup separuh muka.

Keempat: Penjarakkan Saf Sekurang-Kurangnya 1 Meter Ketika Solat Berjemaah di Masjid Dalam Fasa PKPP Situasi yang sama juga boleh diperkatakan dalam masalah berkaitan penjarakkan saf sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain. Hukum asal

merapatkan adalah sunat dan sangat dituntut oleh Nabi SAW.

Bahkan disunatkan bagi imam setiap kali sebelum solat didirikan untuk memperingatkan kepada para makmum agar merapatkan saf dan meluruskannya. Ia bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA:

{وَسَبَّطُوا الْإِمَامَ وَسُدُّوا الْحَلَلَ}

Maksudnya, “Jadikanlah kedudukan imam berada di tengah dan tutuplah ruang-ruang kosong” (Hadis. Abu Dawud. Kitab al-Salah. No. 291).

Oleh kerana arahan Nabi SAW untuk merapatkan saf dalam solat adalah sunat dan digalakkan, maka sebaliknya jika merenggangkan saf pula adalah makruh dan sangat ditegah oleh Nabi SAW. Perbuatan merenggangkan saf bukan sahaja tidak disukai oleh Nabi SAW, bahkan turut mendapat teguran keras daripada Baginda SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar RA:

{وَلَا تَذَرُوا فُرُجَاتٍ لِلشَّيْطَانِ وَمَنْ وَصَلَ صَفًّا

وَصَلَّهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَ صَفًّا قَطَعَهُ اللَّهُ}

Maksudnya, “Janganlah kamu biarkan kekosongan (*saf*) itu untuk syaitan. Sesiapa yang menyambung saf Allah akan menyambungkannya. Sesiapa yang memutuskan saf, Allah akan memutuskan dirinya” (Hadis. Abu Dawud. Kitab al-Salah. No. 276).

Tindakan merenggangkan saf juga boleh dikaitkan persamaan dengan masalah seorang makmum yang berdiri melakukan saf secara berseorangan setelah saf sebelumnya penuh. Dalam isu ini, para ulama Shafi’iyyah mengatakan tindakan tersebut adalah makruh dan mencatitkan pahala solat berjemaah dalam waktu yang sama solatnya sah.

Oleh demikian, mereka yang berdiri pada saf yang baru boleh meminta agar salah seorang yang berada pada saf hadapan untuk turun dan melakukan saf bersamanya (al-Zuhayliyy, 1985). Perkara

ini jelas membuktikan betapa merenggangkan saf atau berdiri berseorangan ketika dalam solat berjemaah amat tidak digalakkan.

Namun begitu, setiap hukum perlu dilihat pada konteks perlaksanaannya dan situasi. Berdasarkan kepada kaedah fiqh yang berbunyi;

(الحكم يدور مع علته وجودا وعدمًا)

Maksudnya, "Sesuai hukum itu didasari dengan alasannya samada wujud sesuatu (hukum) atau tiada sesuatu (hukum)".

Dalam isu ini, perkara yang berbangkit adalah mengenai risiko penularan pandemik jika tiada penjarakkan antara saf dilakukan. Ia amat berbeza dengan situasi pada hukum asal dalam masalah merapatkan saf. Tindakan tidak merapatkan saf secara sengaja serta tiada alasan yang kukuh adalah makruh sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Namun, jika ada alasan yang kukuh untuk tidak merapatkan saf, maka tindakan merenggangkan saf adalah suatu kelonggaran yang dibenarkan syarak tanpa mengurangkan atau mencacatkan pahala jemaah.

Oleh itu, selagimana 'illah hukum (pandemik) masih wujud, maka selagi itulah boleh diranggangkan saf. Sekiranya 'illah hukum sudah tidak wujud, maka suatu hukum itu akan kembali kepada hukum asalnya. Dalam masalah pandemik ini, hukum tidak merapatkan saf akan kembali kepada hukum asalnya (makruh) jika pandemik ini telah dapat diatasi.

Keputusan ini jugalah yang telah dibuat oleh kebanyakan Jabatan Mufti Negeri Negeri di Malaysia antaranya Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020), Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (2020) dan Jabatan Mufti Negeri Pahang (2020).

Rentetan itu, meskipun pandemik masih berleluasa dalam negara, namun pelaksanaan solat berjemaah dan solat Jumaat tetap dapat dilaksanakan dengan pematuhan terhadap SOP yang telah ditetapkan. Solat berjemaah dan solat Jumaat adalah perkara *thawabit* dalam

agama.

Manakala tatacara pelaksanaan kedua-duanya pula adalah perkara *mutaghayyirat* yang boleh berubah mengikut kondusi dan suasana sekaligus membuktikan konsep *murunah* dalam pensyariatatan.

PENUTUP

Setelah meneliti keputusan-keputusan SOP yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19, penulis amat yakin dan berpuas hati bahawa setiap keputusan yang dibuat adalah bersandarkan kepada nas-nas syarak yang diaplikasikan padanya konsep *murunah*.

SOP yang berkonsep *murunah* secara tidak langsung meraikan kemaslahatan umum masyarakat Islam di Malaysia sebagaimana kaedah fiqh;

(تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة)

Maksudnya, "Setiap tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada kemaslahatan".

SOP berkaitan ibadah sememangnya agak merumitkan masyarakat Islam. Namun, SOP yang ditetapkan adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan yang lebih utama iaitu nyawa. Ketetapan SOP ini juga secara tidak langsung membuktikan sikap keterbukaan institusi agama di Malaysia dalam menerima pandangan-pandangan mazhab muktabar yang lain demi kemaslahatan masyarakat Islam di Malaysia.

Konsep *murunah* atau keanjalan dalam pensyariatatan Islam juga dapat dibuktikan dengan jelas apabila tatacara pelaksanaan ibadah boleh berubah mengikut keadaan dan kondusi semasa. Ia sekali gus menutup mulut pihak yang mendakwa agama Islam sebagai agama yang *jumud*, tidak sesuai dengan zaman dan tidak praktikal.

Ini kerana, meskipun dalam keadaan pandemik melanda seluruh dunia, umat Islam masih tetap boleh melaksanakan rutin ibadah walaupun berbeza tatacara perlaksanaannya. Bukan

hanya ibadah berkait solat, bahkan perkara-perkara lain juga turut menerima tempas prinsip keanjalan seperti zakat, ibadah haji atau umrah dan lain-lain.

RUJUKAN

- Al-Fayruzabadiyy. 2005. *Qamus al-Muhit*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Hanitiyy. 2015. *al-Thabat wa al-Murunah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah Bayna al-Tajdid wa al-Infatih*. Dirasat: Human and Social Sciences Journals: Universiti Of Jordan.
- Ibn 'Allan. 2011. *Dalil al-Falihin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun. 2001. *Tarikh Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur. 1997. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Muhammad Al-Nadwiyy. 2019. *Ma'alim al-Wasatiyyah wa Muqawamatiha fi al-Islam*. Majalah Kuliyyah al-Shari'ah wa al-Qanun. Tanta: Universiti Al-Azhar.
- Al-Khattabiyy. 2010. *Ma'alim al-Sunan*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Qaradawiyy. 2002. *Awamil al-Sa'ah wa al-Murunah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kuwait: Al-Majlis al-Wataniyy li al-Thaqafiyy wa al-Adab.
- Al-Sharbiniyy. 1997. *Mughniyy al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zuhayliyy, Wahbah. 1985. *Al-Fiqh al-Islamiyy Wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Akhbar dan Internet**
- Abu Dawud. N.d. *Sunan Abi Dawud*. Sunnah.com. <https://sunnah.com> (Diakses pada: 7 Oktober 2020).
- Abdul Latif bin Su'ud al-Samiyy. 2008. *Qa'edah Ma La Yudraku Kulluh La Yuraku Julluh Ta'silan Wa Tatbiqan*. Majalah Universiti al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah. <https://units.imamu.edu.sa/colleges/sharia/rnd/Documents/أصول الفقه/قاعدة ما لا يترك كله لا يترك جله د. عبداللطيف الصرامي.pdf> (Diakses pada: 29 Nov 2020).
- Dziyaul Afnan Abdul Rahman. 2020. *Solat Jumaat Di Perlis Batal, Ganti Solat Zohor Di Rumah*. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/664892/solat-jumaat-di-perlis-batal-ganti-solat-zohor-di-rumah> (Diakses pada: 22 September 2020).
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2011. *Hukum Memakai Mask (Penutup Mulut Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam Ihram Dan Umrah*. Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. <https://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/207-hukum-memakai-mask-penutup-mulut-dan-hidung-bagi-jemaah-haji-dalam-ihram-dan-umrah> (Diakses pada: 22 September 2020).
- Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. 2020. *Kedudukan Saf Solat Jemaah Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp COVID-19)*. Portal Rasmi Sistem eFatwa Negeri Pulau Pinang. http://efatwa.penang.gov.my/fatwa_details.php?fatwaid=1371 (Diakses pada: 22 September 2020).
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. 2020. *Hukum Menjarakkan Saf Solat Jemaah Semasa PKPB*. Portal Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang. <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/component/search/?searchword=saf&searchphrase=all&Itemid=107> (Diakses pada: 22 September 2020).
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. *Soalan Lazim Coronavirus (COVID-19)*. Infosihat. Bahagian Pendidikan Kesihatan. <https://www.infosihat.gov.my/index.php/wabak-novel-coronavirus-atau-2019ncov> (Diakses pada: 12 September 2020).
- Mohd Iskandar Ibrahim. 2020. *COVID-19:*

- Solat Jumaat Diganti Solat Zuhur.* Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666992/covid-19-solat-jumaat-diganti-solat-zuhur> (Diakses pada: 23 September 2020).
- Muhammad Iskandar Ibrahim & Mohd Nasaruddin Parzi. 2020. *COVID-19: 5 Masjid Laksana Solat Berjemaah, Ingkar PKP.* Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670347/covid-19-5-masjid-laksana-solat-berjemaah-ingkar-pkp> (Diakses pada: 23 September 2020).
- Muhammad Zulsyamini Sufian Suri. 2020. *Solat Berjemaah, Enam Didenda.* My Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/570358/solat-berjemaah-enam-didenda-metrotv> (Diakses pada: 23 September 2020).
- Muslim. n.d. *Sahih Muslim.* Sunnah.com. <https://sunnah.com> (Diakses pada: 7 Oktober 2020).
- n.a. 6 April 2020. *Solat Jumaat: Umat Islam Dirayu Kekal Patuh Arahan PKP, Fatwa - Menteri.* Bernama. https://bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1828225 (Diakses pada: 25 September 2020).
- n.a. "Mu'jam al-Lughat al-'j Arabiyyat al-Mu'asirah". Maajim.com. <https://www.maajim.com/dictionary/%D9%85%D8%B1%D9%88%D9%86%D8%A9> (Diakses pada: 14 September 2020).
- Al-Nawawiyy. N.d. *al-Arba'j in al-Nawawiyyah.* Sunnah.com. <https://sunnah.com> (Diakses pada: 7 Oktober 2020).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-480: Susunan Saf Solat Jenazah Semasa Berlakunya Wabak.* Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4406-irsyad-al-fatwa-siri-ke-480-susunan-saf-solat-jenazah-semasa-berlakunya-wabak> (Diakses pada: 24 September 2020).
- Al-Qaradawiyy. 2013. *al-Jam' u baina al-Thabat wa al-Murunah fi Risalah al-Islam.* Rabitah Ulama Suriyyin. https://islamsyria.com/site/show_articles/4551 (Diakses pada: 20 September 2020).
- Rafidah Mat Ruzki. 2020. *COVID-19: Penangguhan Aktiviti Di Masjid, Surau Perlu Diteruskan.* Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669201/covid-19-penangguhan-aktiviti-di-masjid-surau-perlu-diteruskan> (Diakses pada: 22 September 2020).
- Al-Tirmidhiyy. n.d. *Jami' al-Tirmidhiyy.* Sunnah.com. <https://sunnah.com> (Diakses pada: 7 Oktober 2020).
- Zulkifli bin Muda. 2019. *Mazhab Syafi'iy; Wadah Kesatuan Ummah Di Malaysia. Kertas Kerja Di Konvensyen Pendidikan Islam & Ilmuan Muslim.* Jabatan Mufti Negeri Perak. Link: http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/kertas_kerja/konvensyen/mazhab-Syafie-wadah-penyatuan-ummah-di-malaysia-Seminar-Perak_compressed.pdf (Diakses pada 29 November 2020).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.